
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

JMS 313 – Sejarah Eropah Moden

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

...2/-

1. Di antara slogan Revolusi Perancis ialah “Kebebasan, Persaudaraan dan Kesamaan.” Jelas dan nilaikan kewajaran konsep “Kesamaan” yang diperjuangkan oleh golongan borjuis yang mendokong revolusi itu.
(25 markah)

2. Biarpun Napoleon telah merampas kuasa, menurut Cobban, “Dia bukanlah semata-mata seorang diktator biadab yang memaksakan dasarnya tanpa keprihatinan ...” ke atas rakyat Perancis. Bincangkan.
(25 markah)

3. Sosialisme, liberalisme dan nasionalisme memainkan peranan masing-masing semasa revolusi-revolusi pada 1848. Nilaikan pengaruh salah satu ideologi ini dalam perjalanan revolusi di mana-mana satu negara yang terlibat.
(25 markah)

4. Jelaskan dasar ‘darah dan besi’ Bismarck bersabit dengan Reich Jerman (kemaharajaan Jerman) pada tahun 1871.
(25 markah)

5. “Kuasa Stalin diasaskan kepada kawalan ke atas kerajaan, parti dan polis rahsia” (Alan Wood). Beri ulasan lanjut.
(25 markah)

6. Sejauh manakah faktor keperibadian Hitler semata-mata dapat menjelaskan kebangkitan Nazisme di Jerman pada tahun 1920-an dan 1930-an?
(25 markah)

- oooOooo -